

25/08/1997

Malaysia kemuka isu mata wang

BUKIT MERTAJAM, Ahad - Malaysia akan mengemukakan isu mengenai usaha bersama menentang pengkhianat yang menggugat kestabilan mata wang beberapa negara Asean untuk dibincangkan di Mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel di Mauritius bulan depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau sudah mengemukakan cadangan itu kepada Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, ketika pertemuannya dengan Anyaoku di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya yakin akan diberi pertimbangan untuk mengemukakan isu itu kerana ia sudah menjejaskan kestabilan mata wang banyak negara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Briged Putera Pemuda Umno Pulau Pinang di Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Rawa, di sini hari ini.

Selain itu, katanya, Malaysia akan menggunakan dua lagi forum antarabangsa iaitu Mesyuarat Pertama Menteri Kewangan Asia-Eropah di Bangkok dan Persidangan Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia di Hong Kong, bulan depan, untuk merangka strategi bersama membanteras kegiatan spekulasi mata wang.

Menurutnya, Malaysia akan mengemukakan cadangan dalam ketiga-tiga forum itu supaya semua negara melancarkan perang bersama terhadap kegiatan manipulasi mata wang.

Beliau juga berhasrat mengemukakan cadangan supaya garis panduan berhubung spekulasi mata wang yang ada sekarang, diubah suai atau dipinda untuk menghadapi serangan spekulasi yang tidak bertanggungjawab.

"Kita tahu sebelum ini dalam kes tertentu di mana garis panduan yang dipersetujui bersama diubah suai atau ditukar selepas berlaku penyelewengan.

"Oleh itu, kita juga perlu memikirkan pilihan sedemikian dalam usaha kita mengajak dunia memerangi kegiatan spekulasi.

"Kita perlu bersedia dan menerima strategi bersama sebaik saja ada persetujuan di kalangan negara peserta mengenainya," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan akan mengetuai rombongan Malaysia ke Persidangan Menteri Kewangan Komanwel di antara 15 hingga 17 September, Mesyuarat Pertama Menteri Kewangan Asia-Eropah (18-19 September) dan Persidangan Bank Dunia/Tabungan Kewangan Antarabangsa (23-25 September).

Beliau menyifatkan ketiga-tiga mesyuarat itu adalah forum terbaik untuk membawa pendirian Malaysia menentang kegiatan spekulasi mata wang yang menjejaskan kestabilan sistem kewangan serantau.

"Kita mesti menentang kegiatan spekulasi mata wang oleh beberapa gerombolan dan individu seperti George Soros dengan mengkhianati sistem kewangan rantau ini dan di beberapa negara lain di dunia," katanya.

Anwar berkata, Malaysia sudah memulakan perbincangan dengan beberapa pihak mengenai hal (membanteras kegiatan spekulasi) itu, termasuk mesyuarat antara Bank Negara dengan Bank Pusat negara Asean serta perbincangan antara menteri kewangan.

"Malam ini saya akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Kewangan Indonesia. Kelmarin saya juga mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri China, Li Peng mengenainya," katanya.

Menjawab satu soalan Anwar berkata, operasi pasaran sekarang menggalakkan kegiatan sedemikian, tetapi pendirian Malaysia seperti yang diterangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, prosedur dan garis panduan pernah ditukar sebelum ini, termasuk di Barat untuk tujuan

sedemikian.

(END)